

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

KAWASAN : GERIK

TARIKH : 18 MEI 2016, RABU

SOALAN:

YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam memastikan jalan raya di negara kita ini lebih selamat serta mesra pengguna terutamanya jalan-jalan utama yang digunakan oleh kenderaan berat di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenderaan berat ialah antara mod pengangkutan yang penting bagi menjana sistem ekonomi negara. Peraturan-peraturan berkaitan pergerakan kenderaan, spesifikasi kenderaan dan muatan kenderaan terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi yang terlibat, iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Di-Raja Malaysia.

Bagi tujuan mengelakkan kesesakan trafik dan atas faktor keselamatan, Kerajaan telah mewartakan perintah larangan kenderaan berat dari menggunakan laluan tertentu ke pusat bandar Kuala Lumpur pada waktu puncak hari bekerja. Perintah larangan tersebut melibatkan sebahagian laluan di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR2) serta keseluruhan laluan Jambatan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun pengecualian diberikan kepada kenderaan berat yang membawa produk-produk kritikal dan memerlukan penghantaran segera atas faktor kepentingan awam; atau yang telah menerima kelulusan khas daripada Kerajaan.

Di samping itu Kerajaan juga telah menetapkan perintah larangan kepada kenderaan-kenderaan berat menggunakan lebuhraya semasa musim perayaan utama, iaitu pada musim cuti sambutan Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Kajian juga sedang dibuat ketika ini untuk memperluaskan perintah larangan tersebut di jalan

raya dan lebuh raya utama untuk musim-musim perayaan yang lain – seperti pada musim cuti Hari Raya Aidil Adha, sambutan Deepavali, Hari Wesak dan cuti-cutি yang panjang yang bersambung di mana pergerakan trafik berlipat kali ganda lebih tinggi berbanding kebiasaan.

Sekian, terima kasih.